

## **ABSTRAK**

Konsepsi umum yang timbul sama ada daripada pihak kerajaan mahu pun masyarakat, mengatakan bahawa aspek pengurusan zakat di Malaysia masih belum mencapai tahap yang memuaskan. Terdapat banyak faktor boleh diberikan yang menjadi punca kepada berlakunya masalah tersebut. Berdasarkan kepada analisis-analisis yang telah dibuat terhadap kajian-kajian lepas, kebanyakannya adalah bersifat kualitatif berdasarkan kepada data-data empirikal. Kajian ini cuba untuk membuat analisis dengan berpandukan kepada data-data bersifat kuantitatif bagi mengenal pasti masalah-masalah yang timbul di dalam pengurusan zakat dengan membuat kajian kes kutipan zakat padi di Daerah Pendang. Daripada data-data yang dikumpul menunjukkan bahawa jumlah zakat padi yang berjaya dipungut oleh pihak pentadbir zakat adalah jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan jumlah hasil tanaman padi yang diperolehi oleh para petani. Fenomena yang berlaku ini boleh dikaitkan dengan beberapa faktor seperti berpunca daripada aspek pentadbiran, undang-undang, organisasi dan kesedaran masyarakat. Justeru, kajian ini akan cuba mengenal pasti masalah-masalah ini dan memberikan beberapa cadangan penyelesaian bagi menangani fenomena yang berlaku ini.

## **ABSTRACT**

Government and general conception on the *zakat* management in Malaysia has been that unsatisfactory. Many factors can be pointed as the cause of the present state of affairs. Based on the past research, most of the problems were qualitatively analysed from empirical data. This research uses quantitative data in analysing the problems arising from the management of *zakat* through case study on the payment of *zakat* paddy in District of Pendang, Kedah. The data shows that the total amount of *zakat* paddy collected by the administrators is much lower than the amount collected from total crop collection from farmers. This phenomenon can be related to several factors particularly in administration, legal provisions, organisation and public awareness. This study therefore, aims to identify the problems and to propose suggestions.